

02 SEP 1996

Czech-Lawatan

PERDANA MENTERI CZECH AKAN MEMBUAT LAWATAN TERULUNG KE MALAYSIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Republik Czech, Vaclav Klaus akan membuat lawatan rasmi terulung ke Malaysia dari 8 hingga 10 Sept ini untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala termasuk kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Lawatan itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Klaus akan diringi oleh isterinya, Livia Klausova, dan delegasi yang terdiri daripada Timbalan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Jiri Weigl, dan Pemangku Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri, Pavel Dvorak, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan beberapa wakil sektor swasta.

Pemimpin Czech itu akan mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir dan menandatangani perjanjian dua hala bagi menggalakkan dan melindungi perdagangan antara kedua-dua negara semasa berada di sini.

Klaus juga akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan juga akan menyampaikan ucapan dasar di majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan.

Sementara itu, Kuasausaha Republik Czech, Ivan Hotek berkata, sebagai negara baru dipeta Eropah, iaitu diwujudkan pada 1 Jan 1993 selepas Czechoslovakia berpisah secara aman kepada Republik Czech dan Republik Slovak, ia kini mahu menggunakan potensi pasaran Asia.

Disifatkan sebagai pemimpin Eropah Timur yang paling lasak selepas era komunis, Klaus kini mahu pembaharuan sistem ekonominya melangkah ke peringkat yang lebih tinggi.

Dan inilah apa yang ahli ekonomi konservatif berusia 54 tahun itu bercadang untuk buat semasa lawatannya ke Malaysia selepas membawa negaranya ke sistem kapitalis dengan jayanya.

Hotek memberitahu Bernama dalam satu temuramah hari ini, yang pelancongan dibuktikan sebagai industri yang berpotensi bagi negaranya dan ketibaan bilangan besar pelawat asing membawa pembangunan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan pelancongan, khasnya industri dan pembinaan.

"Sejak revolusi "Velvet" pada Nov, 1989, industri pelancongan Republik Czech berkembang lebih cepat daripada purata dunia," kata beliau.

Beliau berkata pada 1994 dan 1995, lebih 100 juta pelancong asing melawat republik itu setiap tahun, iaitu peningkatan 480 peratus berbanding pada 1989.

Antara kerjasama Czech-Malaysia untuk menggalakkan pelancongan ialah usahasama antara agensi pelancongan terbesar Czech, iaitu Cedok dan sebuah syarikat tempatan, Global Holidays Sdn Bhd. -- BERNAMA

ES PR